

KENYATAAN AKHBAR KETUA AUDIT NEGARA

Jabatan Audit Negara merasa amat dukacita kerana nama dan gambar Ketua Audit Negara telah digunakan dalam poster dan laman sosial facebook sebagai kempen pilihan raya bagi menimbulkan persepsi di kalangan masyarakat seolah-olah Ketua Audit Negara telah mengesahkan bahawa prestasi kutipan hasil negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat adalah lebih baik daripada negeri-negeri lain.

Gambar Ketua Audit Negara Yang Digunakan Sebagai Bahan Kempen Pilihanraya



Sumber: Laman Sosial Facebook

Lokasi: Seksyen 7, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Tarikh: 29 April 2013

Justeru, Jabatan Audit Negara sekali lagi ingin menjelaskan bahawa Ketua Audit Negara tidak pernah mengeluarkan kenyataan seperti demikian. Bahkan dakwaan ini tidak tepat dan mengelirukan jika diteliti fakta-fakta yang terkandung dalam

Laporan Ketua Audit Negara 2011 bagi negeri-negeri yang menunjukkan peningkatan hasil seperti berikut:

	NEGERI	TAHUN		
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Peningkatan (RM Juta)
1	Sarawak	5,606.74	6,627.14	1,020.40
2	Sabah	4,201.12	4,368.48	167.36
3	Terengganu	1,892.95	2,312.65	419.70
4	Selangor	1,571.50	1,634.00	62.50
5	Perak	793.18	820.29	27.11
6	Pulau Pinang	410.70	602.89	192.19
7	Pahang	526.19	601.52	75.33
8	Kedah	456.21	476.73	20.52
9	Kelantan	379.64	427.48	47.84
10	Negeri Sembilan	353.09	377.61	24.52

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011

Sebagai sebuah jabatan yang berintegriti dan mengamalkan prinsip 'impartiality' Ketua Audit Negara sememangnya memberi pujian kepada semua negeri yang telah menunjukkan prestasi baik dalam pengurusan kewangan dan peningkatan hasil. Dengan kenyataan ini, adalah diharapkan ia dapat menjelaskan sebarang kekeliruan di kalangan masyarakat.

Sekian.

**Bahagian Hal Ehwal Korporat
Jabatan Audit Negara**

2 Mei 2013